

29/06/1997

Bumiputera masih sertai projek penswastaan

Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR: Usahawan Melayu rata-rata bukan saja masih mengharapkan penyertaan dalam projek penswastaan, malah dasar itu menjadi mekanisme kerajaan untuk melahirkan kelas pertengahan Melayu, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, menjadi dasar kerajaan bahawa projek penswastaan semestinya disyaratkan kepada penyertaan Bumiputera pada tahap yang memuaskan.

"Kita lihat golongan Bumiputera memang mampu dan berminat menyertai projek penswastaan, melainkan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, ada bukti yang boleh menunjukkan sebaliknya.

"Rata-rata memang Umno berkehendakkan penyertaan dalam proses itu, tetapi dakwaan Samy Vellu mesti ada asas dan kita tunggu apa maksud beliau," katanya ketika diminta mengulas dakwaan Samy Vellu bahawa minat Bumiputera dalam beberapa projek penswastaan sudah menurun.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Seputeh di Institut Latihan Perindustrian, di sini, semalam.

Dalam ucapannya, Najib berkata, segala permasalahan semasa termasuk gejala sosial, salah guna kuasa, rasuah dan masalah dalam parti adalah berpunca daripada sistem nilai.

"Walaupun kita sudah ada peraturan, perlembagaan, struktur dan penguatkuasaan, segalanya tidak boleh membanteras permasalahan seratus peratus.

"Pembentukan sistem nilai yang baik patut kita tekankan dalam setiap program Umno sama ada di peringkat bahagian mahupun negeri. Untuk itu, sebuah pusat latihan Umno akan diwujudkan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu masih dalam perancangan dan berharap penekanan kepada pembentukan nilai murni itu diutamakan selaras dengan saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Umno menjadi gerakan reformasi orang Melayu.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno turut menafikan dakwaan Samy Vellu kononnya minat Bumiputera dalam beberapa projek penswastaan sudah menurun.

Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berpendapat apa yang diperlukan usahawan Melayu sebenarnya ialah peluang.

"Kalau peluang diberikan dan kemudahan itu disediakan oleh pihak kerajaan, saya tidak nampak usahawan Melayu kurang berminat dalam bidang yang diperkatakan Samy Vellu," katanya.

(END)